

KENYATAAN MEDIA UNTUK SIARAN SEGERA • 22 SEP 2021

Pastikan Strategi Dos Penggalak Vaksin COVID-19 Adil, Berkesan dan Telus

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) menyambut keputusan untuk memberi dos penggalak vaksin COVID-19 bagi golongan rentan di Malaysia mulai awal Oktober 2021 dengan penuh berhati-hati. Kami menyambut baik keputusan untuk mengagihkan [Pakej Penjagaan COVID-19 \(PPC\)](#) kepada kumpulan B40. Kami berharap bahawa kedua-dua keputusan ini akan membantu Malaysia untuk beralih ke fasa COVID-19 yang endemik.

Kami juga menggesa langkah-langkah berikut:

1. Strategi dos penggalak secara bersasar vaksin COVID-19 berpandukan data yang telus and sahih

Para saintis di seluruh dunia masih sedang mengkaji strategi pemvaksin jangka-masa panjang untuk menangani COVID-19 yang endemik. Walaupun terdapat data yang menunjukkan bahawa dos penggalak vaksin [berkesan](#) untuk mereka yang berumur ≥ 60 tahun dan agensi [Food & Drug Administration](#) (FDA) di Amerika Syarikat telah meluluskan dos penggalak untuk golongan bersasar (17 Sept 2021), [Pertubuhan Kesihatan Sedunia \(WHO\)](#) pada 10 Ogos 2021 menyatakan bahawa bukti untuk penggunaan umum dos penggalak vaksin COVID-19 adalah terhad, dan [The Lancet](#) pada 13 Sep 2021 mengesyorkan penggunaan penggalak vaksin secara berhemah. Paparan data dengan jelas dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membuktikan bahawa golongan rentan di Malaysia masih mempunyai risiko selepas pemvaksin, seperti peningkatan kes, bilangan kemasukan pesakit ke hospital, atau kematian dalam golongan ini. Paparan data ini merupakan justifikasi untuk memberi dos penggalak vaksin untuk golongan rentan, dan akan membantu strategi dos penggalak secara bersasar vaksin COVID-19 berpandukan data yang telus and sahih.

2. Berikan fokus saksama untuk pemvaksin di negeri dengan kadar pemvaksin yang rendah

Penekanan harus diberikan kepada negeri yang menunjukkan kadar pemvaksin yang rendah. Misalnya, setakat 20hb September 2021, hanya [54%](#) populasi dewasa di Sabah telah mendapat dos penuh vaksin, manakala angka yang sama untuk Lembah Klang ialah [107%](#). KKM harus merapatkan jurang pemvaksin antara negeri untuk menurunkan kadar kemasukan [Unit Rawatan Rapi](#) (ICU), terutamanya dalam kalangan mereka yang belum divaksin. Dalam masa yang sama, KKM harus meningkatkan usaha untuk mencapai kadar pemvaksin 90% di kesemua negeri di Malaysia, dan bukan berpandukan purata 90% untuk seluruh Malaysia yang tidak menggambarkan jurang pemvaksin di antara negeri.

3. Memaparkan data bekalan vaksin secara telus

Kami menyarankan pihak KKM dan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) supaya memaparkan data bekalan vaksin terkini serta jadual penghantaran yang terperinci. Maklumat ini akan memberi keyakinan bahawa Malaysia mempunyai bekalan vaksin yang mencukupi untuk semua, termasuk kanak-kanak berumur 12-17 tahun, warga asing dan untuk dos penggalak. Sekiranya bekalan vaksin tidak mencukupi, kami mencadangkan supaya pemvaksin lengkap juga diutamakan.

Dos penggalak vaksin mungkin tidak dapat dielakkan dalam zaman COVID-19 yang endemik. Kami menyeru pihak KKM memberi justifikasi untuk pemberian dos penggalak berasaskan data, tidak mengabaikan usaha pemvaksin lengkap di semua negeri, dan memaparkan data pembekalan dan perolehan vaksin secara telus.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia (Senarai Penuh Tandatangan di myhealthcoalition.org)

22 September 2021

Untuk Pertanyaan: malaysianhealthcoalition@gmail.com
[Website](#) | [Facebook](#) | [Twitter](#)

Senarai penuh tandatangan

Pertubuhan:

1. Academy of Medicine of Malaysia
2. Association of Malaysian Optometrist
3. College of Anaesthesiologists
4. College of Surgeons Academy of Medicine of Malaysia
5. IKRAM Health Malaysia
6. Islamic Medical Association of Malaysia
7. Lung Cancer Network of Malaysia
8. Malaysian Association for Bronchology and Interventional Pulmonology
9. Malaysian Association of Clinical Biochemists
10. Malaysian Association of Environmental Health
11. Malaysian Medical Association
12. Malaysian Paediatric Association
13. Malaysian Pharmacists Society
14. Malaysian Public Health Physician Association
15. Malaysian Society of Anaesthesiologists
16. Malaysian Society of Clinical Psychology
17. Malaysian Society of Geriatric Medicine
18. Malaysian Society of Intensive Care
19. Malaysian Society of Occupational Safety and Health
20. Malaysian Society of Ophthalmology
21. Malaysian Thoracic Society
22. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
23. MedTweetMy
24. MMA Public Health Society
25. Perinatal Society of Malaysia
26. Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia
27. Public Health Malaysia

Individu:

28. Assoc Prof Dr Uma Devi Palanisamy
29. Dato' Dr Amar Singh-HSS
30. Dato' Dr Jahizah Hassan
31. Dr Khor Swee Kheng
32. Prof Dato' Dr Syed Mohamed Aljunid
33. Prof Datuk Dr Zulkifli Ismail
34. Prof Dr Ahmad Hata Rasit
35. Prof Dr Asri Said
36. Prof Dr Mohd Zamrin Dimon
37. Prof Dr Roslina Abdul Manap
38. Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh
39. Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy